

Kebebasan media

Berkembang dan beretika di bawah PM

UM 31/10/2003 - 20 PRECISE

 Oleh G.MANIMARAN, ASUKI ABAS
dan HAIRULAZIM MAHMUD

TIDAK ada musuh kekal dalam kamus politik Dr. Mahathir sepanjang saya mengikuti kepimpinannya selama 22 tahun sebagai wartawan."

Demikian pandangan wartawan veteran, Datuk Mazlan Nordin ketika ditanya mengenai pengalaman dan pandangannya mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata Mazlan, banyak bukti yang menunjukkan bahawa Perdana Menteri seorang yang tidak menyimpan dendam terhadap musuh-musuh politiknya.

Itulah kelebihan Dr. Mahathir yang ada pihak nampak tetapi ada juga yang tidak perasan," ujar Mazlan yang mula menceburkan diri dalam bidang kewartawanan sejak 1950-an di Utusan Melayu, Cecil Street, Singapura.

Mengenai sikap Dr. Mahathir terhadap media, beliau berkata, selama kira-kira 10 tahun menerajui Utusan Melayu, beliau tidak pernah menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri atau pegawai kanannya berkaitan berita-berita yang dilaporkan.

Begitu juga ketika menjawat jawatan



WARTAWAN dalam dan luar negara tidak melepaskan peluang meminta Dr. Mahathir menurunkan tandatangan pada kad media selepas sidang akhbar pada hari terakhir Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya, baru-baru ini.

Pengerusi Bernama selama sembilan tahun mulai 1987, Mazlan langsung tidak menerima sebarang teguran atau arahan terus daripada Dr. Mahathir.

"Saya pernah berjumpa dengan Dr. Mahathir sekali sahaja berhubung kerja kewartawanan iaitu berkaitan laporan muka depan Utusan Melayu mengenai peletakan jawatan (Tan Sri) Musa Hitam," katanya.

Tambahnya, seorang Ketua Pengarang tidak wajar 'terlalu rapat' dengan pemimpin negara terutamanya Perdana Menteri apa lagi menjadi ahli parti.

Biarlah akhbar bebas daripada belenggu mana-mana parti dan Ketua Pengarangnya juga bebas.

Dr. Mahathir memberikan kebebasan itu dan dengan itu, laporan atau berita mahu pun artikel yang ditulis tidak akan berat sebelah," jelas Mazlan yang baru bersara sebagai Pengerusi Institut Akhbar Malaysia (IAM) baru-baru ini.

Datuk Abdul Kadir Jasin, tokoh wartawan yang sudah 39 tahun mengenali Dr. Mahathir pula menyifatkan sebagai satu kemustahilan sekiranya ada sesiapa mengaku benar-benar mengenali Perdana Menteri.

Perwatakan Dr. Mahathir tidak

memungkinkan sesiapa pun mengaku benar-benar mengenali beliau.

Pengalaman saya sebagai wartawan yang melapor dan memerhatikan 'jatuh bangun' Dr. Mahathir lebih meyakinkan saya bahawa lebih lama kita mengenali Mahathir, lebih misteri beliau jadinya," kata beliau.

Menurut Abdul Kadir, perwatakan Dr. Mahathir ketika berada di hadapan khalayak adalah amat jauh berbeza berbanding ketika berada dalam saat-saat peribadi sehingga boleh mengelirukan sesiapa yang memerhati.

Di hadapan khalayak, beliau nampak keras tegas suka berkonfrontasi malah mungkin dianggap suka mencari gaduh.

Tetapi bila berada di belakang khalayak, contohnya ketika minum, beliau akan berubah watak menjadi lembut, seolah-olah pemalu sehingga bercakap pun kadang-kadang susah hendak dengar," katanya.

Abdul Kadir secara jujur mengakui lebih menyukai perhubungan awalnya membuat liputan mengenai Dr. Mahathir sebagai seorang wartawan biasa berbanding perhubungan ketika sudah menjadi seorang pengarang.

Dr. Mahathir cukup akrab dengan wartawan, jurugambar, jurukamera; dan beliau seolah-olah menganggap mereka itu sebagai kawan-kawannya sahaja.

Semasa sidang akhbar, beliau tidak pernah mengherdik wartawan dan tanyalah soalan yang seberapa bodoh pun, dia akan jawab dengan tertib.



ABDUL KADIR JASIN



ATHI KUMANAN

Tetapi perhubungan itu amat berlainan selepas menjadi pengarang; lebih terhad, tiba-tiba ada protokol dan ada batasannya," ujar beliau.

Menurut Abdul Kadir, ketelitian Dr. Mahathir kadang-kadang membuatkan beliau tidak berpuas hati dengan banyak sudut pemberitaan terutamanya tajuk berita, lebih-lebih lagi oleh dua akhbar yang sentiasa dibacanya iaitu *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*.

Dr. Mahathir cukup teliti dan cukup ambil berat dan ada kalanya marah sekiranya kita buat tajuk berita yang salah atau tidak tepat.

Kadang-kadang kita pun cuba untuk membuatkan beliau faham konsep yang kita guna, malah saya sudah katakan kepadanya - Doktor, kita ada tujuh atau lapan ratus perkataan dalam satu artikel, macam mana kita hendak mampatkan dengan tepat kepada tiga atau empat patah perkataan sahaja?," ujarnya tertawa.

Walaupun terdapat pihak menganggap Abdul Kadir pernah berselisih pendapat dengan Dr. Mahathir sehingga beliau meninggalkan jawatan Ketua Pengarang Kumpulan *New Straits Times* pada tahun 2000, Abdul Kadir menafikan mempunyai sebarang pengalaman pahit dengan Perdana Menteri.

Tidak ada pengalaman pahit dengan Dr. Mahathir, sekiranya kita bersedia untuk belajar dan sekiranya kita bersedia dengan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk berdepan dengannya.

Oh ya, kalau anda mahu lihat saat terbaik Dr. Mahathir, ajaklah dia berbasah. Dia adalah orang yang paling hebat ketika sedang berbasah," tegasnya.

Sementara itu Ketua Pengarang *Malaysian Nanban* Athi Kumanan melihat Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang bersikap terbuka, di samping sedia berdialog dengan pihak lain termasuk golongan wartawan.

"Kemungkinan orang beranggapan Dr. Mahathir seorang yang tegas dan sukar untuk didampingi, tetapi jika kita mengenali Dr. Mahathir dari dekat, kita tahu bahawa beliau merupakan pemimpin yang peramah dan mudah berbincang."

Pada keseluruhannya, Dr. Mahathir seorang yang jauh berbeza daripada apa yang dianggap oleh sesetengah pihak," kata Kumanan.

Beliau yang menyertai bidang kewartawanan tiga dekad yang lalu berkata, Dr. Mahathir sentiasa mengutamakan kepentingan negara dan parti dalam setiap keputusan yang diambil.

Beliau sanggup melaksanakan program dan dasar yang melibatkan kepentingan ramai meskipun mendapat tentangan daripada sesetengah pihak," katanya.

Satu lagi sikap yang menarik perhatian ialah pendirian untuk bercakap terus-terang," katanya lagi.

Sikap sedemikian, menurut beliau, menyebabkan orang merasakan persaraan Dr. Mahathir sebagai satu kehilangan termasuk bagi sesetengah ahli politik pembangkang.

 DATUK MAZLAN
NORDIN
